

Prosper wujud had idea Dr Mahathir

BH - 4 AUG 2000

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin dan Azrina Ahzan

KUALA LUMPUR, Khamis - Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper) yang diperkenalkan semalam adalah hasil dialog antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pegawai angkatan tentera.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata ketika dialog itu mereka memberitahu Dr Mahathir bahawa kekurangan modal, tempat perniagaan dan rangkaian terhad serta kesukaran mendapatkan pinjaman menjadi penghalang usaha untuk membuka perniagaan.

"Sehubungan itu, kerajaan bersetuju memperkenalkan Prosper sebagai kaedah untuk menangani masalah berkenaan," katanya selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 100 kakitangan kementerian berkenaan di sini.

**“
Saya rasa skim ini amat menarik dan kita akan memberi kerjasama sepenuhnya supaya penyertaan golongan tentera dapat memperkukuhkan lagi pembabitan Bumiputera dalam bidang perniagaan**

”

- Menteri Pertahanan,
Datuk Seri Najib Tun Razak

tentera yang diberi keutamaan untuk menyertai skim itu adalah mereka yang berpangkat kapten ke atas.

"Bagaimanapun, kita bersedia mempertimbangkan permohonan pesara lain yang mempunyai modal dan minat untuk menyertai program itu," katanya.

Sementara itu, Perhebat turut menyambut baik keputusan kerajaan memperkenalkan Prosper bagi

pa faedah dan cagaran itu kini dinikmati lebih 111 bekas tentera di seluruh negara.

Beliau berkata, Perhebat juga bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) dan Boustead Holdings Bhd untuk mendapatkan hak memasarkan barangan elektrik dan bahan binaan keluaran mereka.

Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia, Da-

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Hashim Meon dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Mohamed Zahidi Zainuddin.

Najib berkata, bagi memastikan kemudahan itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya, pesara tentera yang dipilih menyertai Prosper akan diberi keutamaan untuk menjalankan perniagaan di dalam kawasan kern tentera.

"Bagaimanapun, mereka yang terpilih tidak semestinya hanya menjalankan perniagaan di kawasan kern, malah di kawasan bandar baru atau kompleks perniagaan yang terdedah kepada pasaran terbuka.

"Saya rasa skim ini amat menarik dan kita akan memberi kerjasama sepenuhnya supaya penyertaan golongan tentera dapat memperkukuhkan lagi pembabitan Bumiputera dalam bidang perniagaan.

"Dalam hal ini, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melalui Persatuan Hal Ehwal Anggota Tentera (Perhebat) ditugaskan untuk bekerjasama dengan pihak berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pesara

meningkatkan penyertaan Bumiputera, termasuk bekas tentera dalam perniagaan runcit.

Pengurus Besarnya, Abdul Aziz Ismail, berkata keputusan itu adalah wajar kerana ia dapat memberi peluang kepada lebih ramai bekas tentera mem-babitkan diri dalam bidang perniagaan.

"Keputusan kerajaan itu amat tepat pada masanya kerana ia dapat membantu pembabitan bekas tentera dalam bidang perniagaan.

"Lagipun, bekas tentera bukan saja mempunyai kemahiran dalam bidang ketenteraan, tetapi juga dalam bidang perkeranian dan tugas-tugas pejabat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Abdul Aziz berkata, keputusan itu juga dibuat atas kesedaran bahawa bekas tentera juga mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Katanya, Perhebat juga sedang berusaha menambah jumlah bekas tentera dalam perniagaan melalui pemberian pinjaman, khususnya kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Katanya, pinjaman tan-

tuk Muhammad Abdul Ghani, pula berkata keprihatinan kerajaan untuk membantu bekas tentera adalah satu petanda baik dalam menentukan hala tuju mereka khususnya yang bersara awal.

"Persatuan sebenarnya sudah mewujudkan Dewan Perniagaan Bekas Anggota Tentera sejak setahun bagi membantu anggotanya yang ingin mem-babitkan diri dalam bidang perniagaan.

"Juster-u, keputusan kerajaan melancarkan projek khas untuk membantu bekas tentera amat dialu-alukan," katanya.

Sehubungan itu, Muhammad berkata, persatuannya akan bekerjasama dengan kerajaan untuk memastikan kejayaan projek berkenaan.

Katanya, bantuan berkenaan juga amat diperlukan memandangkan bidang perniagaan adalah satu bidang yang baru kepada bekas tentera.

Bagaimanapun, katanya, bagi memastikan kejayaan projek berkenaan, usaha pemantauan hendaklah dijalankan terutamanya mengenai pemberian modal supaya tiada berlakunya penyelewengan.